

UUM/6053/um/06.09.2001/p:26(5)

Wujud indeks khusus ukur tahap sosial

ALOR SETAR 5 Sept. — Universiti Utara Malaysia (UUM) hari ini mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu indeks khusus untuk mengukur tahap perkembangan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, indeks sosial tersebut secara tidak lang-

sung akan berperanan membantu kerajaan dalam memahami sebab-sebab mengapa sesuatu gejala sosial itu wujud.

Melalui kaedah itu, katanya, pihak berkuasa bukan sahaja mampu menangani sesuatu masalah yang timbul dengan lebih berkesan tetapi juga berupaya melakukan langkah-langkah pencegahan lebih awal.

“Di negara maju telah ada indeks sosial seperti ini dan sepatutnya kita juga perlu ada kerana ia dapat mengukur setiap tahun tahap perkembangan tentang apa yang berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena Wacana Sehari Remaja dan Black Metal di Dewan Majlis Perbandaran Kota Setar (MPKS) di sini.

um 06/09/2001 26-5 UUM 12